



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN**

Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: +603-88849370 (Aras 4)
Faks: +603-88849315
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-15/2/88 Jld.2 (80)
Tarikh : 20 Ogos 2021

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan,

**PENGISIAN DAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT VAKSINASI COVID-19 MURID
DALAM APLIKASI PANGKALAN DATA MURID (APDM) BAGI MURID BERUMUR
12 HINGGA 18 TAHUN DAN KE ATAS**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan surat nombor rujukan KPM.100-15/2/88 Jld.2 (77) bertarikh 11 Ogos 2021 berkenaan pengisian dan pengemaskinian maklumat vaksinasi COVID-19 murid dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM).
3. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pula didapati telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil.13/2021 berkenaan pelaksanaan imunisasi COVID-19 Kebangsaan dalam kalangan remaja tertentu berumur 12-17 tahun melalui surat nombor rujukan KKM.600-29/4/147 (48) bertarikh 12 Ogos 2021.
4. Sehubungan dengan itu, pihak KPM telah menyelaras semula pelaksanaan pengisian dan pengemaskinian maklumat vaksinasi COVID-19 dengan memberikan fokus kepada murid kohort umur 12 hingga 18 tahun dan ke atas termasuk murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) terlebih dahulu dengan kadar segera. Manakala maklumat bagi murid kohort umur 11 tahun dan ke bawah dikecualikan sehingga pemakluman selanjutnya oleh pihak KPM.
5. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan memerlukan maklumat lanjut berkaitan perkara ini, pihak YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan boleh menghubungi Encik Mohd. Fakarudin bin Hussain di talian 03-88830640 atau e-mel mfakarudin.hussain@moe.gov.my bagi perkara berkaitan pengurusan vaksinasi COVID-19 murid dan Tuan Haji Ahmad Faris bin Johan di talian 03-88849225 atau e-mel faris.johan@moe.gov.my bagi perkara berkaitan teknikal APDM.

6. YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan adalah dimohon untuk memaklumkan tindakan ini kepada pegawai yang berkenaan di JPN dan PPD serta sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan.

Kerjasama dan perhatian dan YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINAL BIN ABAS)

Pengarah

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Sektor Operasi Sekolah
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Pengarah
Bahagian Pendidikan Latihan Teknikal/Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia

6. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pengarah
Bahagian Pendidikan Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia